

KEMBARA DI BUMI ILAHI

Penulis:

Rizal A Seman

Noor Aslinda Abu Seman

e-mel:

abufawwaz2587@gmail.com

naslinda@uthm.edu.my

Abstrak: Karya ini bukan sekadar sebuah buku, tetapi sebuah pengembaraan yang membawa pembaca melalui landskap alam semula jadi yang menakjubkan di Ulu Dungun, Terengganu. Saya teruja dengan penghayatan penulis terhadap keindahan alam yang memukau dan pengalamannya dalam menghadapi cabaran serta onak dalam ekspedisi tersebut.

“Kembara di Bumi Ilahi” bukan sekadar sebuah siri pengembaraan, tetapi juga sebuah perjalanan rohani yang mendalam. Melalui kata-kata yang penuh makna, penulis telah berjaya menyentuh hati pembaca dan mengajak mereka untuk mengingat Sang Pencipta yang Maha Esa.

Kata Kunci: Pengembaraan, Keindahan Alam, Perjalanan Rohani

KEMBARA DI BUMI ILAHI

Trans CIBL

RIZAL A SEMAN
NOOR ASLINDA ABU SEMAN




Penerbit
UTHM

KEMBARA DI BUMI ILAHI

Trans
CBL

RIZAL A SEMAN
NOOR ASLINDA ABU SEMAN



©Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:
Rizal A Seman
Noor Aslinda Abu Seman

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor.
No. Tel: 03-89390660

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-141-4

Isi Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	<i>vii</i>
<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
Detik Itu	1
Penangan Bukit Taubat	21
Seusai Di Jeram Orkid Dan Seraya Besar	29
Permatang Bonsai	37
Bangan Oh Bangan	49
Kem Langsir	57
Hari Kedua	71
Mandi Di Jeram Lesung	85
Tragedi Kala Senja	101
Malam Terakhir	119
Selamat Tinggal Langsir	121
Ke Puncak Berembun!	149
Taman Bonsai, Seindah Namamu	169
Keunikan Pokok Meraga Berlubang	191
Bertandang Di KemY	219
Terapi Jiwa Di Santuari Tengas	235
Cabaran Terakhir	265
Selamat Jalan Kawan!	281
Epilog: Warkah Akhir	299
<i>Glosari</i>	<i>303</i>
<i>Biografi</i>	<i>319</i>

Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji pujian bagi Allah (SWT) tuhan sekalian alam dan atas segala rahmat dan inayahnya memudahkan urusan hambanya. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah (SAW), ahli keluarga baginda dan para sahabat r.a.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya maka buku ini telah dapat disiapkan dengan sempurna. Setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk mengabadikan detik-detik manis hidupnya. Bertitik tolak dari itu, timbul ilham daripada saya untuk menzahirkan pengalaman saya ketika mengikuti ekspedisi Trans CBL (Air Terjun Chemerong, Gunung Berembun dan Air Terjun Langsir) bersama sahabat pada bulan Oktober tahun 2020. Novel ini merupakan manifestasi diri saya terhadap keindahan alam semula jadi yang terdapat di CBL. Pemandangan indah ini sukar untuk saya lupakan dan akan sentiasa terpahat di sanubari. Memang benar kata orang, jika sudah pergi ke sana, nescaya hati ini akan terus terpaut dan terpenggil-panggil untuk mengunjunginya lagi. Setinggi-tinggi penghargaan buat para sahabat seperjuangan saya yang turut sama menyertai ekspedisi Trans CBL ini dan membantu saya dalam menyiapkan naskah ini.

Khususnya untuk Abang Jang dan Kak Yati yang banyak membantu saya dalam menyiapkan novel ini. Terima kasih atas jasa dan sumbangan kalian berdua. Tidak lupa juga, kepada Cikgu Faizul, Cikgu Zizi, Naim, Pijam dan Cikgu Azri. Terima kasih atas

segalanya. Budi baik yang kalian berikan saya kenang hingga akhir hayat. Buat sahabat sependakian; Persatuan Malim Gunung Daerah Dungun dan rakan-rakan pendaki. Terima kasih atas segala ilmu dan petua yang kalian kongsi. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada abang Wan Nordin Wan Yaacob kerana telah mencetuskan ilham untuk saya menghasilkan karya ini. Teristimewa buat isteri dan anak-anak tercinta, kalian adalah sumber inspirasi terbesar, juga buat ibu dan ayah tercinta yang sentiasa dalam ingatan walau jauh di mata.

Semoga naskhah ini dapat memberi manfaat kepada rakan-rakan pembaca dan pencetus semangat buat para pendaki yang ingin berkunjung ke CBL. Akhir kata, mohon maaf atas segala kekurangan dan sesungguhnya segala yang baik dan sempurna itu adalah milik Allah s.w.t. Sekadar coretan bingkisan kenangan untuk diabadikan buat perkongsian bersama para pembaca.

خير الناس أنفعهم للناس
Selamat Membaca.

Rizal A Seman

x



Detik itu

6 September 2020 (Selasa)

Bilik GPK HEM SK Kuala Jengal, jam 12.30 tengah hari.
Cikgu Faizul sedang duduk di kerusi sambil tangannya menulis sesuatu pada sebuah buku.

"CBL!!!!" Tingkah saya kepada Cikgu Faizul.

"Hor Rizal." Balas Cikgu Faizul.

Aku memang cadang nok gi dululah Rizal. Lambat sangat nok nunggu saing mung respons." Sambungnya lagi.

Raut wajahnya ala-ala orang Cina. *Handsome*. Misai dan janggut yang memutih sedikit memenuhi wajahnya. Rambutnya ikal terbelah dua. Bertubuh sedang. Tidak tinggi dan tidak pula rendah. Umurnya dalam lingkungan akhir 40-an. Cikgu Faizul baru sahaja bertukar ke sekolah saya dari SK Kampung Shukor sebagai GPK HEM. Pernah mengajar di SK Kuala Jengal semasa muda. Cikgu Faizul sangat meminati aktiviti *outdoor*. Meredah hutan, hulu sungai telah menjadi asam garam dalam hidupnya.

Pengalaman Cikgu Faizul mengajar hampir 20 tahun di kawasan pedalaman Dungun menjadikan dia cukup arif tentang selok-belok hutan, lubuk-lubuk ikan, tempat mencari madu tualang lantaran banyak bergaul dengan orang-orang kampung. Saya baru sahaja selesai menyertai Kembara Merdeka Geng Lelaki SK Kuala Jengal ke kaki air Terjun Chemerong pada minggu lepas.



Penangan Bukit Taubat

Kak Yati kembali dari Kaki Air Terjun Chemerong. Bersama dengan Naim dan Pijam. Mereka bertiga melintasi sungai lalu memanjat bongkah batu besar. Kami berempat sudah beredar dari bongkah batu itu. Memberi laluan kepada mereka. Beg sudah pun siap digalas. Hanya menanti masa untuk meneruskan pendakian. Kami semua terdiam. Menunggu arahan dari Kak Yati.

"Mitok dengor belake. Kite akan kabak sapa alik Kem Balak. Perjalanan dinung ambik masa dalam 2 jam lebih. Cuma ambe nok kabor awal-awal jalan hok kite nok tepoh ning curam sket. Sebab kita lalu alik tebing air terjun. Kalau berasa penat atau semput, bulih rehat metar." Ujar Kak Yati lagi.

"Bape bukit hok kite perlu kabak, Kak?" Tanya saya pula.

"Ada dalam empat buah bukit kita perlu tepoh sebelum sapa Bukit Taubat. Kat situ pun doh makan masa sejam lebih perjalanan. Dari Bukit Taubat pula, kita akan kabak lagi dalam sejam baru sapa ke Kem Balak." Jelas Kak Yati. Kepala saya mula dihujaani dengan pelbagai persoalan sebaik sahaja mendengar jawapan yang keluar dari mulutnya.

"Pergh... Empat buah bukit tu. Mati la weih!" Hati saya bersungut. Saya cuba membuka mulut untuk bertanya lagi kepadanya.

Namun belum sempat saya mengajukan pertanyaan, Kak Yati telah bersuara lagi. Lalu mematikan hasrat saya untuk mengemukakan





Seusai di Jeram Orkid dan Seraya Besar

Selepas mengisi perut dengan bekal nasi yang dibawa, kami pun meneruskan perjalanan. Saya mengisi botol yang hampir kosong dengan air sungai di Kem Balak.

'Muncung botol air perlu membelakangi aliran air supaya air yang diisi tidak dimasuki habuk yang terdapat dalam air'

Jam menunjukkan 12.40 tengah hari. Perjalanan kali ni tidak lagi melalui denai berbukit.

Kami menelusuri kawasan permatang yang agak becak. Kelihatan akar-akar pokok merintang permatang itu. Kiri dan kanan jalan dipenuhi pokok-pokok renek, buluh, rotan dan mengkuang. Turut kelihatan pokok tepus, cendawan liar serta lumut yang menghiasi laluan itu.

Lebih kurang 15 minit perjalanan. Kami pun tiba di Jeram Orkid. Kami pun meletakkan beg pada kawasan berbatu.

"Cantiknya tempat ni." Getus saya dalam hati.

Kelihatan rimbunan pohon orkid hutan menghiasi kawasan Jeram itu. Pasir memutih sepanjang laluan menambahkan lagi keindahan yang sedia ada.

Laksana seperti berada di taman.

Cuma bunga orkid yang tidak kelihatan di Jeram itu.





Permatang Bonsai

Slepas berehat di Seraya Besar, saya dan Kak Yati meneruskan pendakian. Abang Jang, Cikgu Faizul dan Pijam telah melangkah jauh ke hadapan meninggalkan saya, Naim dan Cikgu Zizi. Kami berdua tidak menyaingi pergerakan mereka. Langkah kami berdua santai bersahaja. Kami melewati denai berbukit serta berakar.

Saya lihat kiri dan kanan denai dipenuhi dengan pepohon renek seperti periuk kera, orkid liar, sawi hutan dan paku pakis menggantikan rotan serta mengkuang yang ditemui sebelum ini. Kelihatan juga barisan semut hutan bersaiz besar melata pada banir pokok. Saya tertarik melihat pada gugusan buah berwarna kemerahan tumbuh sepanjang denai itu.

"Buah apa ni Kak?" Tanya saya.


"Ni buah mata ayam, ustaz." Balas Kak Yati.

"Dia ada ada dua jenis. Satu yang warna merah dan satu lagi berwarna putih."

"Rasanya agak tawar. Hok putih sedap sedikit dari hok merah."

"Buahnya berair. Biasanya kita makan buah ni untuk mengelakkan daripada dehidrasi, nak-nak pula kita sudah kehabisan sumber air. Tambahan pula tempat itu memang tiada langsung sumber air mineral." Terangnya lagi dengan panjang lebar.

"Tra la rasa ustaz." Ujar Kak Yati.





Bangan Oh Bangan

Pendakian terakhir sebelum sampai tapak perkhemahan bermula. Saya memanjat sebongkah batu besar. Kaku di situ menunggu rakan yang sedang berhempas-pulas untuk mendaki lurah bukit yang curam. Hampir go darjah kecuramannya. Ada seutas tali yang agak panjang terdampar di atas batu yang lembap. Naim melempar tali itu kepada saya. Saya memegang tali itu dengan erat. Saya melangkah melintasi batu besar itu dengan penuh cermat.

Air mengalir di atas batu itu. Langkah diatur dengan berhati-hati, tersilap langkah akan terjatuh di tebing Sungai Bangan yang berbatu. Selepas melepasi dua bongkah batu hampar laluan berakar serta berbatu menanti kami.

Permukaan tanah yang lembut dan lembap akan membantutkan pergerakan. Tangan saya memaut pada tali dan akar pokok yang merintang jalan. Lutut bersentuhan dengan dada, mengimbangi berat bag yang digalas. Ada ketikanya saya terpaksa melangkah panjang, memanjat pada bahagian akar-akar pokok yang merentasi laluan.

Saya mendongak ke atas. Masya-Allah jauh lagi pendakian saya. Puncak bukit masih belum kelihatan. Peluh mulai memercik membasahi dahi dan pipi. Cermin mata diselaputi kabus menyukarkan penglihatan. Saya membuka cermin mata lalu





Kem Langsir

Kem Langsir ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama; dari cerun bukit menurun ke bawah merupakan tapak perkhemahan. Kedua; surau berada di pertengahan jalan sebelum sampai ke tapak Kem. Ketiga; khemah Malim terletak bahagian bawah sekali, berhadapan sebuah kolam kecil. Keempat; tandas awam yang disediakan oleh Pihak Malim. Terletak di pinggir hutan kecil berdekatan air mengalir turun ke anak sungai.

Dari segi saluran air pula, ia dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama bahagian atas berdekatan papan tanda Air terjun Langsir, dikhususkan untuk tempat mandi-manda. Kedua, bahagian batu hampar di mana airnya mengalir melalui celahan batu, dikhususkan untuk tempat membasuh pinggan mangkuk dan seumpamanya. Air untuk minum dan masak boleh diambil pada paip air yang terletak berhadapan Khemah Malim. Saluran paip air ni bersambung dengan tandas.

Sumber paip air pula diperolehi melalui takungan air dari puncak Jeram Lesung. Apa yang dapat saya simpulkan, kemudahan yang terdapat di Kem Langsir ini meringankan kesukaran terutama bagi kaum Hawa yang menyertai aktiviti pendakian.

Sebarang aktiviti memasak menggunakan kayu api adalah dilarang sama sekali. Sampah yang dilakukan oleh pendaki perlu dibawa turun semula. Sementelah lagi, kegiatan memasang *hammock*,





Hari Kedua

Terngiang kedengaran suara Cikgu Faizul bercakap dengan Cikgu Zizi.

"Mung nok gi tandas?" Tanya Cikgu Faizul.

"Hor." Jawab Cikgu Zizi.

"Tunggu. Aku nok gi skali." Balas Cikgu Faizul.

Kelihatan mereka berdua bergerak meninggalkan khemah.

Saya masih dalam awang-awangan. Malas rasanya untuk bangun lagi. Lalu mata dipejam kembali. Tidak beberapa lama kemudian, perut macam memulas, saya cuba berbaring ke kiri dan kanan namun tidak berhasil. Rasa tidak selesa dengan perut. Sepertinya kembung dimasuki angin. Saya bangun terpisat-pisat sambil menoleh di sebelah kanan. Kelihatan Abang Jang sudah pun bangun. Manakala Cikgu Faizul dan Cikgu Zizi sedang tidur.

"Abang Jang nok gi tandas dok?" Tanya saya kepadanya dengan penuh harapan.

"Abang doh gi tadi ustaz." Ujarnya lantas mematikan hasrat saya.

"Hmmm...." Keluh saya sedikit kecewa.

Saya masih berada dalam *sleeping bag*. Kaki dilunjurkan sambil menggeliat membetulkan urat-urat badan. Tangan kanan saya terkial-kial mencari *handphone*.

"Basah.!!!" Jerit saya dalam hati.





Mandi di Jeram Lesung

Kami menelusuri denai hutan yang agak sempit dan becak. Akar-akar pokok yang berceracak merintang sepanjang denai itu. Kiri dan kanan denai dipenuhi pokok mengkuang. Kami melangkah dengan berhati-hati, mengelak daripada duri tajam pokok mengkuang yang merintang jalan. Selang beberapa rantai perjalanan, kami tiba di kawasan dataran tanah liat yang berpasir. Kelihatan hanya pokok paku pakis sahaja yang memenuhi tebing bukit dan kawasan sekitar itu. Kami maju ke hadapan lagi lalu berhenti.

Dari situ, saya dapat melihat bahagian bawah kawasan Jeram Lesung yang mempunyai sebuah kolam berskala besar. Kedalamannya melebihi Lapan kaki di bahagian tengah dan semakin cetek pada hujungnya. Bahagian dasar kolam itu dipenuhi dengan pasir sungai. Panjang kolam itu dari punca air turun hingga ke kawasan berpasir lebih kurang 15 kaki. Manakala lebarnya berukuran kira-kira Lapan kaki Jernih airnya. Berwarna hijau pudar.

"Kita naik atas lagi." Tutar Cikgu Faizul.

Dari kolam pertama itu kami memanjat tebing bukit di sebelah kiri. Saya dapat melihat kawasan jeram yang berbatu. Bentuknya seakan-akan papan gelongsor. Panjang laluan. Di sebelah kiri laluan jeram itu terdapat dua bulatan batu seakan-akan lesung membentuk dua buah kolam kecil. Air dari atas mengalir melalui





Tragedi Kala Senja

Kami tiba di tapak perkhemahan pada jam 1.30 petang. Naim dan Pijam sedang menanti kami di situ. Abang Jang terus melangkah, menuju ke khemah. Manakala kami menuju masuk ke dalam air untuk membersihkan badan serta membuang lumpur yang terpalit di kaki sewaktu pulang dari Jeram Lesung. Setelah itu, kami berdedai-dedai menuju ke khemah.

Sampai di sana, saya melihat abang Jang sedang menjemur pakaian yang basah di atas ampaian. Saya mengambil tuala lalu menyalin. Baju yang basah diganti dengan baju yang kering. Saya menyarungkan kain pelikat. Setelah itu saya mengeringkan rambut dan muka. Kemudian saya pergi melihat seluar saya yang dijemur di ampaian sebelah kanan khemah abang Jang. Saya pegang seluar yang dijemur.

"Belum kering lagi ni," getus hati saya. Saya menterbalikkan seluar lalu dialihkan ke sebelah kanan.

"Biar cepat kering sikit," bisik saya lagi di dalam hati.

Setelah itu, saya kembali semula ke khemah untuk mengambil *handphone*. Rakan-rakan lain juga kelihatan sedang sibuk bersiap-siap untuk pergi ke surau.



Malam Terakhir

Kami tiba di tapak kem pada jam 7.05 malam. Hari sudah beransur gelap. Pancaran kilat dan dentuman guruh di langit masih jelas kelihatan. Nampak gaya nak hujan malam ni. Kedinginan malam hari mulai menggigit kulit tubuh lalu membantutkan niat kami semua untuk membilas semula badan di dalam sungai. Kami terus bergerak naik, menuju ke khemah. Kelihatan pendaki-pendaki lain sedang sibuk menyiapkan juadah bagi malam yang terakhir. Pada masa yang sama, *ration* makanan yang dibawa perlu dihabisi bagi memudahkan perjalanan balik nanti.

Setibanya di khemah saya lantas menyiapkan diri. Pakaian yang digunakan pada petang tadi ditukar lalu di letak di atas ampaian. Saya memakai baju dan seluar panjang. Baju sejuk segera disarung bagi menghilangkan kesejukan badan. Tatkala itu, saya terdengar suara Cikgu Faizul memanggil saya.

"Zal, ada lagi dop ORS? Aku nok se." Tanya dia kepada saya.
"Ada Cikgu. Jap." Balas saya ringkas.

Saya membuka poket depan beg gelas lalu mengeluarkan sepaket serbuk garam ORS lalu menghulurkan kepada Cikgu Faizul. Pada masa yang sama saya pun membuka sepaket lagi garam ORS lalu dimasukkan ke dalam gelas yang berisi air. Air itu dikacau sehingga serbuk ORS melarut didalamnya. Setelah itu saya meneguk terus air larutan garam ORS sehingga habis.

Selamat Tinggal Langsir!

Saya tersentak lalu terjaga dari lamunan tidur. Mata saya terpisat-terpisat sambil tangan saya mencapai jam tangan yang berada di dalam beg. Saya melihat jam. Sudah pukul 5 pagi. Naim dan Pijam masih lagi tidur dibuai mimpi. Cahaya lampu limpah daripada khemah abang Zam menerangi kawasan sekitar. Sinar cahayanya menerjah masuk ke dalam khemah lalu mengenai muka saya.

Saya bingkas bangun dari tidur. *Sleeping bag* sudah dibuka namun saya masih belum mahu keluar daripadanya. Saya memusingkan badan ke kiri dan ke kanan sambil membetulkan urat pelipat. Saya lihat Abang Jang sudah bangun. Dia sedang mencapai tuala lalu disandang di atas bahu. Setelah itu, dia mengambil berus gigi dan sabun mandi. Lantas selipar segera disarung ke kaki.

"Abang Jang nok gi mandi?" Tanya saya kepadanya.

"Hor. Ustak nok gi sekali ke?" Tanya Abang Jang.

"Hor abang. Tunggu saya." Jawab saya pula. Saya bingkas keluar dari *sleeping bag*. *Sleeping bag* itu dilipat lalu dimasukkan ke dalam sarungnya. Stoking di kaki segera ditanggal. Saya mencabut *handphone* dan *headlamp* daripada wayar penyambung *powerbank*. *Handphone* saya simpan dalam beg galas. Manakala *headlamp* saya letakkan di atas kepala. Setelah itu saya membuka baju sejuk saya. Tuala yang berada di atas beg galas lantas dicapai lalu di sandang di atas bahu. Saya segera memakai selipar.

Ke Puncak Berembun!

Kami menelusuri denai sempit. Denai sedikit becak. Dipenuhi dengan akar yang berselirat. Kiri kanan denai itu pula terdapat pohon mengkuang yang dipenuhi duri pada dedaunnya. Langkah diatur dengan rapi dan penuh waspada. Supaya tubuh tidak menyentuh deduri mengkuang. Jika tersentuh, alang kepalang sakitnya. Selang beberapa minit kemudian kami tiba di dataran lapang. Berdekatan kolam kedua di Jeram Lesung.

Dari dataran itu kami pun mengorak langkah. Meneruskan perjalanan. Tatkala kami sedang mendaki tebing bukit di sebelah kanan. Kedengaran suara Abang Zam dari arah belakang. Kami terhenti lalu memandang ke arahnya.

"Kenapa Zam?" Tanya Cikgu Faizul kepadanya. Abang Zam terdiam seketika. Dia berdiri kaku di bawah. Kami menanti jawapan daripadanya. Tidak lama kemudian dia pun bersuara:

"Macam ni cikgu. Kami berdua nak ingat nak tunggu malim kat bawah ni lah. Boleh tak?" Tanya Abang Zam kepada Cikgu Faizul. "Boleh ja, Zam. Betul ni Zam tak nak tunggu dekat kolam atas?" tanya Cikgu Faizul untuk kali kedua. Minta kepastian.

"Aah betui cikgu. Kami nak tunggu kat bawah ni ja. Kan Man?" jawab Abang Zam dengan nada yang tegas sambil mengerling ke arah kawannya. Kawannya tersenyum lalu mengangguk. Mengiyakan apa yang dinyatakan Abang Zam.

Taman Bonsai, Seindah Namamu

Kami meneruskan perjalanan ke Taman Bonsai. Meninggalkan Puncak Berembun. Menurut Kak Yati, masa perjalanan dari Puncak Berembun ke sana sekejap sahaja. Lebih kurang dalam 5 hingga 10 minit. Kawasan lapang Puncak Berembun kami telah lewati. Kami mula memasuki semula kawasan permatang yang dipenuhi dengan lelumut pada batang dan akar pokok. Permatang itu tampak suram. Pokok-pokok saka seperti rhu dan bonsai yang ada di situ tumbuh agak rapat. Ada sebahagian pohon saka itu condong merintang jalan. Seperti mahu rebah menyembah ke bumi.

Namun pohon itu masih hidup subur dengan dedaunan tampak hijau berkilat. Saya renung ke atas. Kelihatan cahaya mentari di celahan dedaun menyinari permatang itu. Bilah-bilah cahaya mentari itu tembus ke bawah lalu menjamah lantai hutan yang dilitupi dengan daun-daun kering. Jadi ada kawasannya cerah disinari cahaya mentari. Dan ada kawasannya tampak suram. Hawa dingin gunung dalam permatang itu menyentuh tubuh saya. Nyaman rasanya. Dapat menghirup udara segar di atas gunung. Kelihatan juga pelbagai jenis pepohon renek seperti, orkid, periuk kera dan paku-pakis tumbuh merimbun; menghiasi di sepanjang laluan permatang itu.

Keunikan Pokok Meraga Berlubang

Kami berjalan menelusuri denai hutan. Bukit Celom telah kami lewati. Perjalanan ke Pokok Meraga Berlubang mengambil masa dalam 40 minit hingga satu jam perjalanan. Denai itu masih lagi landai, cuma adakalanya ia sedikit menaik dan menurun. Landskap hutan juga telah berubah. Tumbuhan dipterokarp atas seperti meranti bukit, cengal dan seraya menghiasi sekitar kawasan itu.

Pokok-pokoknya besar sekali; lebih kurang dua hingga tiga pemeluk, tumbuhnya tinggi menjulang ke langit dan membentuk kanopi di kawasan cerun bukit. Terasa redup walaupun sang matahari terik memancar. Bilah-bilah pancaran mentari itu menembusi lohong-lohong di sebalik celahan dedaun pohon-pohon rimba. Lalu cahayanya menjamah hampir sebahagian ke lantai rimba. Subhanallah, indah sungguh ciptaan Allah.

"(Dialah Tuhan) yang menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang dan Ia juga menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu, sesungguhnya semuanya itu mengandung tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah bagi orang-orang yang berakal fikiran."

(Surah Taha:53-55)

Bertandang di Kem Y

Kami meredah hutan belantara. Menelusuri denai dan akar yang berselirat serta batang pokok mati yang merintang. Jika tidak dapat melangkah batang, kami perlu menyusup di bawah untuk melepaskannya. Saya melihat jam di tangan. Sudah masuk jam 11 pagi. Hampir 2 jam lebih perjalanan pulang kami dari Kem Langsir ke sini. Saya kira kami sudah melewati satu suku perjalanan. Luan di sini agak mudah. Kami lebih banyak berjalan menelusuri denai hutan yang panjang serta landai permukaannya. Sekali-sekala sahaja kami mendaki dan menuruni tebing tinggi.

Saya lihat sekeliling. Kawasan di sini tampak redup. Pepohon balak yang bersaiz besar seperti cengal dan meranti tumbuh dengan gagah; menjadi pasak di lantai hutan. Pohonnya tinggi menjulang ke atas. Dedaunnya tumbuh rapat-rapat. Membentuk kanopi lalu menghalangi sang mentari untuk melebarkan pancaran cahayanya menjamah ke lantai hutan. Tak semua tempat pun yang terkena pancaran cahaya sang mentari. Kedinginan pagi di hutan itu masih dirasai. Sekali sekala angin hutan bertiup lalu menyentuh kulit pipi saya. Nyaman rasanya.

Terapi Jiwa di Santuari Tengas

Jam di tangan menunjukkan 11.25 pagi sewaktu kami semua bergerak dari persimpangan buluh. Meninggalkan Kem Y. Cahaya mentari tampak redup sekali. Sebahagian besar cahayanya terhadang dengan dedaun pohon meranti yang tumbuh di sebelah kanan denai itu. Tinggi menjulang ke atas. Sementelahan pada bahagian lantai denai itu pula; kelihatan pelbagai jenis pohon renek seperti, paku pakis biru, tepus, rotan dan tumbuhan herba hidup dengan subur sekali. Menghiasi kiri dan kanan denai yang kami lalui.

Kami menelusuri denai yang becak; bertanah hitam. Kelihatan akar pokok yang berselirat merintang perjalan. Perjalanan yang kami tempuhi adakalanya landai dan ada kalanya kami perlu mendaki dan menuruni kawasan tinggi. Saya dapat melihat dengan jelas jejak-jejak tapak kaki babi hutan jelas kelihatan pada permukaan tanah sepanjang kami menelusuri denai itu.

Di kiri denai itu, tebingnya agak tinggi. Menganjur ke bawah. Ekor mata saya menyoroti ke bawah tebing denai. Di bawah sana, sebatang sungai mengalir jernih. Air sungai itu melalui celahan batu-batu lalu mudik ke hilir. Di atas permukaan air kelihatan riak-riak air tenang mengalir. Kelihatan jua biasan bebayang pepohon yang berada di sekitarnya.

Cabaran Terakhir

Kami mendaki tebing bukit; menelusuri denai kecil. Denai kecil itu dipenuhi dengan barisan pepohon renek yang menghiasi kiri dan kanannya. Kem Balak tidak lagi kelihatan. Gelak tawa dan riuh pikuk dari pengunjung di kem itu jua tidak lagi kedengaran. Hilang puput dibawa angin. Langkah kaki diatur dengan rapi. Berjalan menelusuri kawasan berbukit ini memerlukan keringat yang kental serta ketahanan mental yang kuat. Andai kata tubuh tidak kuat, hanya sakit yang menanti di hadapan.

Saya memijak akar-akar yang merintang denai bukit sambil berpaut pada batang-batang pokok yang menjajari sekitar kawasan itu. Lebih kurang lapan minit mendaki tebing bukit, saya dan rakan-rakan lain tiba di kawasan bertanah landai. Dari situ, kami berjalan menelusuri denai yang dijajari dengan pepohon kapur dan meranti; bersaiz sebesar dua pemeluk. Manakala pada lantai hutan pula, kelihatan pelbagai jenis tumbuhan renek, sawi hutan, orkid, periuk kaca, paku pakis, lumut, serta tumbuhan herba menghiasi denai itu.

Pandangan saya menyoroti ke hadapan. Kelihatan Abang Jang mula memanjangkan langkah. Langkah kakinya tampak pantas sekali. Pergerakannya diatur dengan sebaik mungkin. Cikgu Faizul mengekori Abang Jang dari belakang. Langkah kakinya sedikit lambat. Pijam mengekori Cikgu Faizul dengan rapat.

Selamat Jalan Kawan!

Minda saya masih terawang-awang di udara; mencari-cari teka-teki yang bermain di benak fikiran. Perasaan hairan dan takjub bercampur dengan rasa musykil. Saya masih lagi memikirkan bagaimana kami semua boleh sampai di kawasan berturap simen ini. Saya mengerling ke arah papan tanda yang terpampang di hadapan mata. Papan tanda itu menunjukkan arah jarak ke kaki Air Terjun Chemerong. Jaraknya Cuma 100 meter sahaja dari tempat saya berdiri ketika ini.

"Ya Allah, dekat sangat aku ni dengan kaki Chemerong!" jerit hati saya. Saya masih lagi termangu-mangu. Ekor mata saya mengerling ke arah jam di tangan. Sudah pukul jam 2.05 petang. Mata saya lantas dialihkan ke sekeliling kawasan. Tiada seorang pun kelibat manusia yang berada di situ. Melainkan saya dan rakan-rakan sahaja.

"Haishh. Guane gi bulih sapa alik ning?" saya mengulangi lagi pertanyaan tersebut untuk kesekian kalinya. Kali ini nada suara saya sedikit keras. Saya masih mengharapkan jawapan daripada pertanyaan itu.

"Hor. Tu lah, ambe pun pelik gok. Jauh ngat kita pitah ning!" sampuk Cikgu Zizi pula. Menyokong pendapat saya. Kak Yati tersenyum melihat gelagat kami. Saya masih belum berpuas hati lagi. Hati kecil saya masih sangsi. Lantas saya memusingkan badan, lalu melangkah semula menuju ke titi kayu kedua di Sungai Y.



EPILOG

Warkah Akhir

Seekor enggang jantan mengibar-ngibar sayapnya. Terbang megah di udara rimba raya Chemerong. Bunyi libasan sayapnya jelas sekali kedengaran. Laksana sebuah helikopter tempur yang mengawasi kawasan jajahannya. Sepasang sayapnya yang hitam berkilat dikibar luas. Manakala pada bahagian ekornya dipenuhi bilah-bilah bulu pelepah yang memutih. Umpama salju. Sang Enggang itu masih lagi bebas terbang berputar-putar di udara. Sebelum ia hinggap pada dahan seponon pokok besar yang tumbuh menjulang ke langit. Sang Enggang ini mencengkam kukunya pada kulit kayu; dahan pohon itu. Matanya merah bak delima. Paruhnya berwarna kuning berpangkal merah manakala tanduknya pula berwarna merah kuning yang melengkuk ke atas.

Si Jantan ini memutarakan ekor matanya. Menyoroti pandangannya ke arah para tamu yang berkunjung ke Hutan Lipur Chemerong. Si Jantan berteriak di atas dahan. Bunyi teriakannya jelas kedengaran. Teriakan itu terputus-putus. Laksana suara orang tua yang lanjut umurnya sedang terbatuk-batuk. Si Jantan berteriak lagi. Lagak bunyinya bagaikan memberi isyarat kepada para tamu akan kewujudannya di rimba Chemerong. Mungkin tamu itu tidak sama sekali berpeluang menjumpainya kerana kedudukan dirinya terlalu jauh melewati daripada pandangan mereka semua. Di sebalik celahan dedaun pohon-pohon kayu yang tumbuh rapat

KEMBARA DI BUMI ILAHI

Trans CBL

Karya ini bukan sekadar sebuah buku, tetapi sebuah pengembaraan yang membawa pembaca melalui landskap alam semula jadi yang menakjubkan di Ulu Dungun, Terengganu.

"Kembara di Bumi Ilahi" bukan sekadar sebuah siri pengembaraan, tetapi juga sebuah perjalanan rohani yang mendalam. Melalui kata-kata yang penuh makna, penulis telah berjaya menyentuh hati pembaca dan mengajak mereka untuk mengingati Sang Pencipta yang Maha Esa

Semoga karya ini akan memberi inspirasi kepada pembaca dan menjadi asas untuk pencapaian-pencapaian mendatang dalam bidang penulisan karya kreatif.



ISBN 978-629-490-141-4



9 786294 901414

0 7 5 0 0



PENERBIT
UTHM

